

30 JUL 2002

Pemuda-Laporan

PEMUDA T'GANU BUAT LAPORAN POLIS TERHADAP PENCERAMAH FITNAH PM

KUALA TERENGGANU, 30 Julai (Bernama) -- Pemuda Umno Terengganu hari ini membuat laporan polis terhadap pemimpin PAS Bunyamin Yaacob kerana membuat ucapan memfitnah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pergerakan Pemuda Umno Negeri, Tengku Zainuddin Tengku Zaid membuat laporan itu di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu pada pukul 10.20 pagi ini.

Beliau diiringi kira-kira 20 anggota Pemuda negeri.

Ketika ditemui, beliau berkata ucapan Bunyamin itu, bekas anggota Parlimen Bachok, juga dianggap mempunyai tujuan menghasut rakyat membenci pemimpin negara.

Tengku Zainuddin menyatakan rasa kesal dan dukacitanya dengan ucapan Bunyamin itu yang menuduh Dr Mahathir menonton video lucu bersama seorang cucunya.

Petikan klip video ucapan Bunyamin disiarkan menerusi RTM sejak beberapa hari lalu.

Tengku Zainuddin berkata tuduhan sedemikian jelas merupakan tuduhan yang palsu, berniat jahat dan tidak mencerminkan moral seorang pemimpin yang berimejkan Islam.

"Apa yang didedahkan RTM telah membawa kesan yang mendalam kepada masyarakat apabila melihat gelagat pemimpin PAS seperti Ustaz Bunyamin mengeluarkan tuduhan seperti itu," katanya.

Beliau berkata pendedahan ucapan Bunyamin itu juga memperkenalkan kepada rakyat sikap buruk pemimpin pembangkang itu yang selama ini hanya tahu mencari kesalahan dan kelemahan kerajaan.

Pemuda Umno Terengganu juga mendesak Bunyamin supaya menarik semula tuduhan itu dan memohon maaf secara terbuka kepada Dr Mahathir, keluarganya dan seluruh rakyat Malaysia atas ucapan yang memalukan itu.

Timbalan Ketua Polis Negeri SAC II Meor Hussain Meor Lub Ahmad ketika dihubungi mengesahkan laporan itu diterima hari ini dan berkata ia akan dirujuk kepada Ketua Polis Daerah di Kelantan, di tempat Bunyamin membuat ucapan itu.

-- BERNAMA

TAJ MRA RON